

PENTERNAKAN KAMBING AUSTRALIA

A.D.F ENTERPRISE
BATU 19, JALAN PADANG BESAR,
01200 PADANG BESAR,
PERLIS

DISEDIAKAN OLEH:

SAHIDA BINTI ABU HASSAN
(96759501)

IDAYU SUZIYANA ABDUL RAHMAN
(95491961)

NOR AZILA BINTI JELANI
(96477846)

NURALINA BINTI CHE DIN
(96688517)

DIB 5A

SINOPSIS

ADF Enterprise adalah merupakan sebuah perusahaan yang menjurus dalam bidang penternakan. Kami memilih bidang ini kerana ianya tidak begitu banyak diceburi oleh golongan belia Bumiputera. Berikutan kekurangan bekalan susu segar di negara kita, kami tidak melepaskan peluang dalam menceburi bidang ini.

Berikut adalah senarai nama-nama rakan kongsi yang terlibat dalam penubuhan syarikat ini :

- | | | |
|------|-----------------------------|---------------------|
| i) | Sahida Abu Hassan | (Pengurus Besar) |
| ii) | Idayu Suziyana Abdul Rahman | (Pegawai Pemasaran) |
| iii) | Nor Azila Jelani | (Pegawai Operasi) |
| iv) | Nuralina Che Din | (Pegawai Kewangan) |

Nama perniagaan: Australia Dairy Farm (A.D.F) Enterprise

Lokasi perniagaan: Batu 19, Jalan Padang Besar, Padang Besar, 01200 Kangar Perlis.

Jenis perniagaan : Perkongsian

Aktiviti perniagaan: Pengeluaran susu kambing segar

Pesaing: a) Nestle Product Sdn. Bhd

b) Yeos Marketing

c) Vitagen

d) Milk Sdn. Bhd

e) Susu Lembu Asli

Pengurusan: Tugas pengurusan telah diagihkan kepada setiap pekongsi mengikut Kelayakan, kemampuan dan pengalaman masing-masing untuk Melicinkan perjalanan syarikat.

Kegunaan modal: - Pembiayaan permulaan perniagaan.

- Pembelian aset tetap untuk menjalankan perniagaan dan gaji pekerja.

Kewangan: -Kos Perlaksanaan Projek ialah RM 1,055,518

-Pinjaman RM 600,000 (faedah 12%)

-Modal sendiri RM 410,518 (sumbangan 25% seorang)

Insyallah projek ini akan berjaya memandangkan negara kita sekarang sedang giat melaksanakan kempen penternakan, khususnya bagi mengurangkan import susu segar dari luar negara. Oleh kerana terlalu sedikit penglibatan kaum Bumiputera yang menjalankan projek pengeluaran susu kambing adalah menjadi hasrat kami untuk menjadi pengeluar susu kambing segar yang terkenal dan maju di negara ini.

PENGENALAN

A.D.F Enterprise adalah sebuah syarikat perkongsian yang ditubuhkan di bawah Akta Perkongsian 1961 (disemak 1974) dan didaftarkan sebagai satu syarikat dibawah Akta Syarikat 1995.

A.D.F Enterprise adalah satu-satunya pembekal susu segar kambing Australia. Lokasi perniagaan kami ialah di Batu 19, Jalan Padang Besar, 01200 Padang Besar, Perlis.

Perniagaan syarikat ini berdasarkan perkongsian yang mempunyai empat orang rakan kongsi. Jumlah keseluruhan sumbangan rakan kongsi RM 410,518. Pengurusan perniagaan adalah dijalankan sendiri oleh rakan kongsi.

Bidang penternakan ini merupakan bidang yang bukan lagi asing bagi kita tetapi penglibatan Bumiputera dalam bidang ini masih belum boleh dibanggakan. Terdapat pelbagai saranan daripada pihak kerajaan untuk memperkembangkan lagi bidang ternakan ini bagi menampung permintaan penduduk tempatan terhadap susu. Oleh itu, kami diantara usahawan Bumiputera yang sanggup menyahut cabaran tersebut.

Kami mempunyai wawasan dan pandangan yang jauh terhadap perniagaan ini dimana kami akan mengembangkan perniagaan ini dalam tempoh 4 tahun dan akan menjadi satu syarikat pembekal susu yang dikenali.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Surat Penyerahan Rancangan Perniagaan	i –ii
Surat Persetujuan Rakan Kongsi	iii
Muqaddimah	iv
Penghargaan	v
Sinopsis	vi
Isi Kandungan	vii – viii
PENGENDALIAN PROJEK :	
Pengenalan	1
Tujuan Rancangan Perniagaan	2
Logo Perniagaan	3
Penerangan Logo	4
Latar Belakang Syarikat	5
Latar Belakang Pekongsi	6 – 9
Latar Belakang Projek Cadangan	10 – 11
Pelan Kedudukan Lokasi Tapak Projek	12
RANCANGAN PENTADBIRAN :	
Matlamat	13
Strategi Organisasi Dan Struktur	14
Carta Organisasi	15
Jadual Huraian Tugas	16 – 17
Insentif Pekerja	18
Susun Atur Pejabat	19
Perbelanjaan Pentadbiran	20
RANCANGAN PEMASARAN :	
Objektif	21
Saiz Pasaran	22
Syer Pasaran	23
Kekuatan Dan Kelemahan Pesaing	24
Kekuatan Dan Kelemahan Syarikat Kami	25
Meramal Jualan	26
Strategi Pemasaran	27 – 29
Perbelanjaan Pemasaran	30

RANCANGAN OPERASI :	
Profil Operasi	31
Matlamat Operasi	32
Aktiviti Operasi Pengeluaran Susu	33
Carta Aliran Proses Pengeluaran Susu	34
Aktiviti Proses Pemerahan Susu	35
Aktiviti Pekerja Di Ladang	36
Tenaga Kerja	37
Susun Atur Kandang Kambing	38
Keperluan Mesin Dan Peralatan	39
Keperluan Bahan Makanan Sampingan Kambing	40
Perbelanjaan Operasi	41
Kos Seunit	42
RANCANGAN KEWANGAN :	
Rancangan Kewangan	43 – 44
Kos Pelaksanaan Projek	45
Jadual Bayaran Balik Pinjaman	46
Jadual Ansuran Sewa Beli	47
Jadual Susut Nilai	48 – 52
Proforma Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun 2001	53 – 54
Proforma Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun 2001,2002,dan 2003	55 – 56
Proforma Penyata Perdagangan Dan Untung Rugi	57
Proforma Kunci Kira-Kira Pada Tahun 2001	58
Proforma Kunci Kira-Kira Pada Tahun 2002	59
Proforma Kunci Kira-Kira Pada Tahun 2003	60
Titik Pulang Modal	61 – 63
RUMUSAN	64
LAMPIRAN	65